




# Jawapan

## Bab 7

**PBD**

### 7.1 Jenis Kegiatan Ekonomi di Malaysia

1. (a) Sektor primer  
(b) Sektor sekunder  
(c) Sektor tertier



3. (a)
 

|                   |                    |
|-------------------|--------------------|
| (i) Perikanan     | (i) Nelayan        |
| (ii) Pertanian    | (ii) Petani        |
| (iii) Pembalakan  | (iii) Pemandu lori |
| (iv) Perlombongan | (iv) Ahli geologi  |
- (b)
 

|                                |                         |
|--------------------------------|-------------------------|
| (i) Pembinaan                  | (i) Arkitek             |
| (ii) Perindustrian / Pembuatan | (ii) Jurutera mekanikal |
- (c)
 

|                    |                       |
|--------------------|-----------------------|
| (i) Pelancongan    | (i) Pemandu pelancong |
| (ii) Perdagangan   | (ii) Kerani am        |
| (iii) Pengangkutan | (iii) Pemandu bas     |
| (iv) Pendidikan    | (iv) Guru             |

**PBD**

### 7.2 Taburan Kegiatan Ekonomi Utama di Malaysia

4. (a) **PETUNJUK**

|   |               |
|---|---------------|
| Q | Getah         |
| T | Kelapa sawit  |
| N | Nanas         |
| S | Sayur-sayuran |
| L | Lada hitam    |
- (b) (i) Getah  
(ii) Kelapa sawit  
(iii) Teh  
(iv) Padi  
(v) Nanas  
(vi) Lada Hitam
- (c) Pengusaha tanaman, pengurus ladang, pengilang padi, pekerja kilang pemprosesan getah atau minyak sawit, pemandu lori

5.

|          |               |
|----------|---------------|
| <b>A</b> | Gurun         |
| <b>B</b> | Bayan Lepas   |
| <b>C</b> | Tasek         |
| <b>D</b> | Tanjung Malim |
| <b>E</b> | Shah Alam     |
| <b>F</b> | Senawang      |
| <b>G</b> | Pasir Gudang  |
| <b>H</b> | Gebeng        |
| <b>I</b> | Gong Badak    |
| <b>J</b> | Kidurong      |
| <b>K</b> | Sepanggar     |
| <b>L</b> | Sandakan      |

6.

|            |                          |
|------------|--------------------------|
| <b>T1</b>  | Pulau Langkawi           |
| <b>T2</b>  | Batu Ferringhi           |
| <b>T3</b>  | Pulau Pangkor            |
| <b>T4</b>  | Cameron Highlands        |
| <b>T5</b>  | Port Dickson             |
| <b>T6</b>  | Desaru                   |
| <b>T7</b>  | Pulau Tioman             |
| <b>T8</b>  | Cherating                |
| <b>T9</b>  | Rantau Abang             |
| <b>T10</b> | Pulau Perhentian         |
| <b>T11</b> | Pantai Damai             |
| <b>T12</b> | Taman Negara Niah        |
| <b>T13</b> | Taman Negara Gunung Mulu |
| <b>T14</b> | Gunung Kinabalu          |
| <b>T15</b> | Pulau Sipadan            |

7.

**Faktor-faktor yang mempengaruhi kegiatan ekonomi**



8.

|     | Faktor yang mempengaruhinya                                                                                                                                                                                                                                             |
|-----|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| (a) | <ul style="list-style-type: none"> <li>Kawasan tanah beralun yang bersaliran baik</li> <li>Min suhu tahunan 27°C dan hujan melebihi 2 600 mm</li> <li>Tanah laterit yang subur</li> <li>Jaringan pengangkutan memudahkan pengangkutan bahan mentah ke kilang</li> </ul> |
| (b) | <ul style="list-style-type: none"> <li>Teknologi yang canggih dan moden meningkatkan jumlah keluaran</li> <li>Bekalan tenaga buruh yang berkemahiran dan berpendidikan tinggi</li> <li>Permintaan yang tinggi dari dalam dan luar negara</li> </ul>                     |
| (c) | <ul style="list-style-type: none"> <li>Cuaca yang sejuk dengan suhu yang sederhana</li> <li>Pemandangan tanah tinggi yang menarik</li> <li>Jaringan pengangkutan yang menghubungkan kawasan pelancongan</li> </ul>                                                      |
| (d) | <ul style="list-style-type: none"> <li>Penggunaan teknologi yang canggih seperti jentera penggerudian petroleum</li> <li>Permintaan yang tinggi kerana petrol yang berkualiti tinggi</li> <li>Jaringan pengangkutan dan infrastruktur yang baik</li> </ul>              |

9.

|         | Faktor               | Huraian                                                                                                                                                                                               |
|---------|----------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Fizikal | (a) Bentuk muka bumi | Bentuk muka bumi Malaysia yang terdiri daripada tanah pamah, tanah beralun, tanah tinggi dan pinggir pantai mempengaruhi pelbagai jenis kegiatan ekonomi.                                             |
|         | (b) Tanah            | Malaysia mempunyai pelbagai jenis tanah yang subur dan sesuai untuk pelbagai jenis tanaman. Contohnya, tanah aluvium sesuai untuk penanaman padi manakala tanah laterit sesuai untuk penanaman getah. |
|         | (c) Iklim            | Iklim Khatulistiwa yang panas dan lembap sepanjang tahun mempengaruhi kegiatan pertanian, pelancongan, pembalakan dan perikanan.                                                                      |
|         | (d) Bahan mentah     | Malaysia kaya dengan pelbagai bahan mentah yang diperolehi dari sumber mineral, hutan dan hasil pertanian yang menggalakkan pelbagai jenis industri.                                                  |
| Manusia | (a) Dasar kerajaan   | Kerajaan telah mengadakan pelbagai dasar untuk mendorong peningkatan ekonomi negara. Contohnya, Dasar Pertanian Negara dan Pelan Induk Perindustrian.                                                 |
|         | (b) Infrastruktur    | Kemudahan pengangkutan yang baik memudahkan proses pengangkutan bahan mentah dari sumber ke kilang serta memudahkan pergerakan pelancong.                                                             |
|         | (c) Teknologi        | Penggunaan teknologi yang canggih dapat meningkatkan daya keluaran, menghasilkan produk berkualiti, mempercepatkan kerja dan menjimatkan kos.                                                         |
|         | (d) Modal            | Modal domestik dan pelaburan langsung asing menggerakkan kegiatan ekonomi negara.                                                                                                                     |

10.

| Kepentingan                      | Huraian                                                                                                                                                                                                                                                |
|----------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| (a) Peningkatan taraf hidup      | Peningkatan taraf hidup melalui peningkatan jumlah pendapatan per kapita keluarga. Apabila pendapatan meningkat, kuasa beli penduduk turut meningkat dan membolehkan penduduk meningkatkan tahap pendidikan dan taraf kesihatan.                       |
| (b) Kemajuan ekonomi negara      | Menyumbangkan pendapatan untuk membiayai perbelanjaan mengurus dan mentadbir negara. Pendapatan diperoleh daripada cukai, hasil eksport dan keuntungan aktiviti perniagaan.                                                                            |
| (c) Mewujudkan peluang pekerjaan | Kepelbagaian kegiatan ekonomi dapat menyediakan peluang pekerjaan kepada penduduk Malaysia dalam sektor primer, sekunder dan tertier. Hal ini dapat mengurangkan kadar pengangguran di Malaysia                                                        |
| (d) Peningkatan infrastruktur    | Perkembangan ekonomi negara telah meningkatkan infrastruktur moden seperti jalan raya, jalan kereta api, jalan udara dan jalan laut. Kemudahan perhubungan menggalakkan perkembangan ekonomi yang lebih pesat.                                         |
| (e) Proses pembandaran           | Menyumbang kepada proses pembandaran. Perkembangan bandar seperti Petaling Jaya, Shah Alam, Bayan Lepas dan Sepang berlaku disebabkan oleh perkembangan ekonomi di kawasan setempat. Kepelbagaian kegiatan ekonomi menggalakkan penghijrahan penduduk. |
| (f) Pengurangan import           | Kegiatan ekonomi mengurangkan pergantungan negara kepada barangan import seperti barangan pengguna dan barangan modal. Penubuhan IKS meningkatkan pengeluaran barangan tempatan.                                                                       |

11. Aktiviti PAK-21

**Praktis Masteri 7****BAHAGIAN >>>A**

1. A      2. D      3. D      4. C      5. B  
 6. C      7. C      8. B      9. A      10. A  
 11. C

**BAHAGIAN >>>B**

1. (a) X: Pulau Langkawi (1m)  
 Y: Taman Negara Pahang (1m)  
 Z: Gunung Kinabalu (1m)  
 (b) F1 Pantai berpasir yang indah dan bersih (1m)  
 F2 Kepelbagaian aktiviti pelancongan air (1m)  
 F3 Banyak kawasan menarik / indah (1m)

F4 Zon bebas cukai (1m)

Terima jawapan murid yang sesuai

(c) F1 Meningkatkan pendapatan negara (1m)

H1 Pertukaran mata wang asing (1m)

F2 Menggalakkan perkembangan jaringan pengangkutan (1m)

H2 Jalan raya / lebuh raya / lapangan terbang (1m)

Terima jawapan murid yang sesuai

2. (a) Sektor primer (1m)

(b) (i) Dataran Kedah-Perlis (1m)

(ii) Dataran Kelantan (1m)

(c) F1 Peningkatan infrastruktur (1m)

F2 Mewujudkan peluang pekerjaan (1m)

F3 Kemajuan ekonomi negara (1m)

(d) F1 Bentuk muka bumi (1m)

H1 Tanah pamah yang rata memudahkan aktiviti penanaman padi (1m)

F2 Hujan sepanjang tahun (1m)

H2 Hujan tahunan melebihi 2 600 mm (1m)

**BAHAGIAN >>>C**

3. (a) F1 Bentuk muka bumi (1m)

H1 Tanah pamah yang rata dan subur (1m)

F2 Hujan sepanjang tahun (1m)

H2 Hujan tahunan melebihi 2 600 mm (1m)

F3 Suhu tahunan yang sekata (1m)

H3 Min suhu tahunan 27°C (1m)

F4 Saliran yang baik (1m)

H4 Membekalkan sumber pengairan (1m)

Terima jawapan murid yang sesuai

(b) F1 Memperbanyakkan pusat latihan kemahiran (1m)

H1 Melatih dan mengeluarkan pelajar yang mahir dalam pelbagai bidang (1m)

F2 Pendidikan TVET (1m)

H2 Memperkenalkan pendidikan teknikal, vokasional. Bahasa Inggeris dan teknologi di peringkat sekolah untuk mengeluarkan tenaga kerja tempatan berkemahiran tinggi (1m)

F3 Penetapan gaji minimum (1m)

H3 Kerajaan menetapkan gaji minimum bagi semua kategori pekerjaan (1m)

Terima jawapan murid yang sesuai

**Fokus KBAT**

1. Permintaan minyak sawit tempatan merosot kerana persaingan dengan negara lain yang memasarkan minyak sawit dengan harga lebih rendah serta keputusan EU untuk memboikot minyak sawit tempatan.
2. Permintaan getah asli meningkat ekoran daripada kepesatan pengeluaran kenderaan bermotor. Industri getah asli terus berkembang maju dengan aktiviti-aktiviti perusahaan bertukar corak. Getah sintetik tidak mampu menghasilkan semua barangan yang berasaskan getah. Hal ini mendorong negara-negara luar untuk meningkatkan permintaan terhadap getah asli yang mempunyai kelebihan menghasilkan pelbagai barangan berasaskan getah.
3. Menggalakkan anak-anak muda bergiat aktif dalam bidang pertanian.  
 Menggalakkan penggunaan teknologi moden untuk meningkatkan pasaran terhadap sektor pertanian di dunia.  
 Terima jawapan murid yang sesuai